



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 23 APRIL 2025 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	NEW STRAITS TIMES	• NESTLE STEPS UP PLASTIC WASTE DRIVE WITH KDEB WASTE MANAGEMENT
2.	KOSMO	• NESTLE, KDEB WASTE MANAGEMENT LANCAR PROGRAM SELKITAR
3.	SELANGORKINI	• KDEBWM, NESTLE METERAI KERJASAMA TINGKATKAN KUTIPAN KITAR SEMULA DI RUMAH
4.	SINAR HARIAN	• KDEBWM, NESTLE KERJASAMA PACU REVOLUSI KITAR SEMULA DI SELANGOR

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• PACU REVOLUSI KITAR SEMULA

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ	• MPBJ MATTERS – PETALING JAYA CITY COUNCIL (MBPJ) INVITES QUALIFIED COMPANIES TO PARTICIPATE IN INVITATION FOR INSTALLATION SOLAR PANELS AT SEVERAL LOCATIONS OWNED BY THE COUNCIL
		MPAJ	• E-SPORTS TOURNEY – AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL(MPAJ) WILL HAVE PS5 FC25 TOURNAMENT ON MAY 25
2.	HARIAN METRO	DBKL	• 13 PERNIAGAAN PENIAGA ASING TANPA LESEN DISITA
3.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	• PENDUDUK LEMBAH KLANG KIAN TERHIMPIT

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• BANTUAN SEWA RUMAH MANGSA TRAGEDI PUTRA HEIGHTS DIAGIH KHAMIS • 302 PESARA KERAJAAN DITIPU • KELANTAN NEGERI KEDUA PALING SELAMAT DI MALAYSIA • EMAS MAHAL, WANITA JADI SASARAN
2.	THE STAR	• PUTRA HEIGHTS FIRE VICTIMS TO GET RENTAL AID TOMORROW • REGULAR RIVER DEEPENING, CLEANING KEY TO PREVENTING FLOODS, SAY BANGI MP • INDIVIDUAL ACTION CAN HELP MITIGATE CLIMATE CHANGE • S'GOR WORKSHOPS FOR AI SOLUTIONS
3.	HARIAN METRO	• DUAWANITA TERIMA RM10K KENA REMAN! • HARAMKAN VAPE LAGI BAIK DARIPADA HUKUM PELAJAR • SELAMAT NYAWA 4.8 JUTA PEROKOK TEGAR
4.	KOSMO	• KELANTAN NEGERI KEDUA PALING SELAMAT
5.	BERITA HARIAN	• KERTAS SIASATAN DIKEMUKA KEPADA TPR MINGGU DEPAN • SIASATAN TUMPU UNSUR RASUAH, TATAKELOLA • PERLIS TERSENARAI EMPAT NEGERI CATAT SIFAR MISKIN TEGAR • HARGA EMAS TERUS MENINGKAT HAMPIRI RM500 SEGRAM
6.	UTUSAN MALAYSIA	• BANTUAN SEWA RUMAH TIGA BULAN DISALURKAN ESOK • PEMANASAN BUMI FAKTOR CUACA TIDAK MENENTU • HARGA EMAS CATAT REKOD TERTINGGI, NAIK KEPADA HAMPIRI RM500 SEGRAM

BIL	AKHBAR	TAJUK
7.	THE SUN	• COPS CONFIRM ARREST OF TEACHER OVER SEXUAL HARASSMENT • NATIONAL WORKERS' DAY TO BE CELEBRATED AT AXIATA ARENA ON MAY 1

Nestle steps up plastic waste drive with KDEB Waste Management

By Diyana Isamudin · April 22, 2025 @ 3:53pm



Selangor Menteri Besar, Datuk Seri Aminudin Shari (third from left) witnessed the handover of documents by KDEB Waste Management Managing Director, Datuk Ramli Mohd Tahir (second from left) and Nestle Malaysia Chief Executive Officer, Juan Aranols (second from right) at the KDEB Waste Management and Nestle Malaysia Cooperation Agreement Signing Ceremony at the Shah Alam Convention Centre (SACC), STR / FAIZ ANUAR.

SHAH ALAM: Nestle (Malaysia) Bhd has partnered with KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) to enhance its efforts in addressing plastic waste through sustainable solutions.

Both parties signed a collaboration agreement to launch SELKitar programme, the latest phase of Nestle Malaysia's door-to-door collection and recycling programme under project SAVE, the largest voluntary extended producer responsibility (EPR) initiative in Malaysia.

Launched in 2020, project SAVE is an ongoing large-scale collaboration between Nestle Malaysia and local municipalities across the Klang Valley that recently expanded also to Penang.

Currently reaching over 200,000 households, to date, the project has diverted more than 33,000 tonnes of waste including over 20,000 tonnes of plastic, from landfills and oceans.

Programme SELKitar will scale up these ongoing efforts to engage another 17,000 households in landed communities in Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) and Majlis Perbandaran Sepang beginning May 2025.

Discussions for a second phase of expansion including strata residences and suburban villages are already in progress.

The agreement signing ceremony was officiated by Selangor State executive councillor (EXCO) for Public Health and Environment Jamaliah Jamaluddin and attended by Selangor Menteri Besar Datuk Seri Aminudin Shari.

Aminudin said such initiative shapes the environmental consciousness in the state.

"The implementation of Act 672 in Selangor signals our commitment to uniform, sustainable waste practices and this partnership reflects our belief that progress can only be achieved through joint, sustained effort," he said.

Nestle Malaysia chief executive officer Juan Aranols said the programme is a tangible demonstration of the company's commitment to addressing plastic waste and promoting the circular use of resources.

"With the continued expansion of our door-to-door collection and recycling programme, we move closer to our vision of a Malaysia free of plastic waste, where post-consumer packaging is sustainably managed through effective collection systems.

"This partnership with KDEBWM reinforces Nestle's global pledge to achieve plastic neutrality by 2025, ensuring that none of our packaging ends up in landfills or oceans," he added.

KDEBWM, as the waste management arm of Menter Besar Inc, brings operational expertise that complements Nestle Malaysia's experience in voluntary EPR initiatives.

The SELKitar Programme implements tailored collection strategies for both "open areas" and "gated and guarded" communities, promoting operational efficiency and educating residents on waste segregation.

Recyclables are collected separately from regular domestic waste and transported to a material recovery collection facility in Bukit Puchong for sorting and reprocessing, supporting a circular economy.

Residents will also receive communication, education and public awareness materials that promote a single-stream approach, allowing all recyclables to be placed in one container for collection, simplifying participation for households.

Project SAVE, Nestle Malaysia's largest voluntary EPR initiative, collaborates with local municipal councils, including in Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang and Pulau Pinang.

NEW STRAITS TIMES ONLINE

TARIKH: 23 APRIL 2025

Nestle, KDEB Waste Management lancar program SELKitar

Oleh KOSMO! 22 April 2025, 6:18 pm



Juan Aranols (empat dari kiri) pada majlis pelancaran projek SELKitar di Petaling Jaya hari ini.

PETALING JAYA – Nestlé Malaysia telah memeterai perjanjian kerjasama dengan KDEB Waste Management (KDEBWM) untuk melancarkan program SELKitar, fasa terbaharu Program Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu Nestlé Malaysia di bawah Projek Save, inisiatif Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) terbesar di Malaysia.

Projek Save yang telah dilancarkan pada tahun 2020 itu adalah program besar-besaran yang sedang dilaksanakan oleh Nestlé Malaysia bersama majlis-majlis perbandaran di sekitar Lembah Klang, yang turut diperluas ke Pulau Pinang baru-baru ini.

Projek yang kini telah mencapai lebih 200,000 isi rumah itu telah berjaya mengelakkan lebih 33,000 tan sisa termasuk lebih 20,000 tan plastik daripada disalurkan ke tapak kabus tanah dan lautan.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols berkata, syarikat kini percaya terhadap usaha mencipta nilai bersama amat penting dalam cara kami menangani cabaran alam sekitar.

"Program SELKitar merupakan peluasan bermakna bagi Projek Save yang sedang berjalan dan menzahirkan komitmen kami untuk menangani isu sisa plastik dan menggalakkan penggunaan sumber secara kitaran.

"Menerusi peluasan berterusan Program Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu, kami semakin hampir untuk mencapai wawasan mewujudkan negara Malaysia bebas daripada sisa plastik yang mana pembungkusan pasca pengguna diuruskan secara lestari melalui sistem kutipan yang berkesan.

KOSMO ONLINE

TARIKH: 23 APRIL 2025

Nestle, KDEB Waste Management lancar program SELKitar

Oleh KOSMO! 22 April 2025, 6:18 pm



"Kerjasama dengan KDEBWM mengukuhkan ikrar global Nestlé untuk mencapai keneutralan plastik menjelang 2025 dan memastikan tiada sisa pembungkusan kami menuju ke tapak kumbus tanah atau laut," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Program SELKitar melaksanakan strategi kutipan disuai khas bagi komuniti kawasan terbuka dan juga kawasan berpagar serta berkawal, meningkatkan kecekapan operasi dan mendidik penduduk tentang pengasingan sisa.

Bahan boleh kitar semula dikutip secara berasingan daripada sisa domestik dan diangkut ke Kemudahan Pemulihan Bahan di Bukit Puchong untuk pengasingan dan pemprosesan semula, lantas mewujudkan sebuah ekonomi kitaran.



Penduduk juga akan menerima bahan CEPA (Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam) yang menggalakkan pendekatan satu saluran, membolehkan semua bahan kitar semula diletakkan dalam satu bekas untuk dikutip, sekali gus memudahkan penyertaan isi rumah.

Sebagai inisiatif EPR sukarela terbesar Nestlé Malaysia, Projek Save berganding bahu dengan majlis-majlis perbandaran tempatan, termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya, MBSJ, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Diraja Klang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd dan rakan kitar semula KPT Recycle Sdn Bhd serta ESH Resource Management Sdn Bhd.

Inisiatif ini melibatkan empat projek kutipan sisa iaitu Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu untuk penghuni bandar, Program Kitar untuk perkampungan pinggir bandar, Kitar Semula Strata untuk kompleks kediaman dan pengumpulan sektor tidak formal. - KOSMO! ONLINE

KOSMO ONLINE

TARIKH: 23 APRIL 2025

KDEBWM, Nestle meterai kerjasama tingkatkan kutipan kitar semula di rumah

by Sofia Nasir • April 22, 2025 5:24 pm



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen di antara Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Dato' Ramli Mohd Tahir (tiga kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia Juan Aranols (tiga kanan) pada Majlis Menandatangani Usahasama antara Nestlé Malaysia dan KDEBWM di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 22 April 2025. Foto NUR ADIBAH AHMAD (ZAM/MEDIA SELANGOR)

SHAH ALAM, 22 APRIL: Kerajaan Selangor menerusi KDEB Waste Management (KDEBWM) memeterai kerjasama dengan Nestlé Malaysia bagi memperkasa kitar semula menerusi kutipan dari rumah ke rumah.

Program menerusi SELKitar tersebut dijangka bermula Mei ini membabitkan kawasan kediaman bawah kelolaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSP).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerjasama ini merupakan pra permulaan dalam inisiatif yang diperkenal Kerajaan Negeri dalam pembentangan belanjawan sebelum ini.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berucap pada Majlis Menandatangani Usahasama antara Nestlé Malaysia dan KDEB Waste Management (KDEBWM) di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 22 April 2025. Foto NUR ADIBAH AHMAD (ZAM/MEDIA SELANGOR)

"Kerjasama strategik ini sejajar dengan keutamaan yang digariskan dalam Belanjawan 2025 untuk mengurangkan sisa di majlis perbandaran tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada tapak kumbus tanah.

"Di Selangor, kita berdepan cabaran, bukan cabaran membawa kemajuan tetapi cabaran berdepan pembangunan di mana 70 peratus lokaliti negeri adalah kawasan bandar," katanya ketika berucap.

Terdahulu beliau

menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif KDEBWM Dato' Ramli Mohd Tahir dan Nestlé oleh ketua pegawai eksekutifnya Juan Aranols.

Program SELKitar merupakan fasa baharu bawah Projek Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu (Projek SAVE) yang diperkenalkan Nestlé pada 2020 di beberapa negeri.

Projek SAVE menjadi inisiatif Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) sukarala terbesar di Malaysia dan kini sedang dilaksana membabitkan 200,000 kediaman di enam bandar raya utama.

Projek berkenaan turut diktiraf oleh Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air, Malaysia sebagai keajaian keajaian bagi amalan terbaik meningkatkan tahap kitar semula.



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) menyaksikan proses menandatangani dokumen di antara Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Dato' Ramli Mohd Tahir (dua kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia Juan Aranols (dua kanan) bagi kolaborasi program SELKitar KDEBWM bersama Nestlé di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 22 April 2025. Foto NUR ADIBAH AHMAD (ZAM/MEDIA SELANGOR)

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 23 APRIL 2025

KDEBWM, Nestlé kerjasama pacu revolusi kitar semula di Selangor



MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

22 April 2025 04:04pm
Masa membaca: 2 minit



Amirudin (tengah) menyaksikan sesi pertukaran dokumen MoU antara KDEBWM dan Nestlé Malaysia di SACC pada Selasa. FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

SHAH ALAM — Usaha memperkukuh pengurusan sisa plastik di Selangor menerima suntikan baharu apabila KDEB Waste Management (KDEBWM) dan Nestlé Malaysia menandatangani perjanjian kerjasama (MoU) bagi melancarkan Program SELKitar.

Usaha ini merupakan fasa terbaharu inisiatif Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu di bawah Projek SAVE iaitu program Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) sukarela terbesar di Malaysia.

Kolaborasi strategik ini disifatkan sebagai langkah penting dalam usaha Selangor untuk memperkukuh ekonomi kitaran dan mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sisa.

Pengarah Urusan KDEBWM, Datuk Ramli Mohd Tahir berkata, program SELKitar bukan sekadar pelan pengurusan sisa kerana ia satu anjakan strategik daripada pelupusan kepada pemulihan, pendidikan dan penyertaan komuniti.

"Kami amat berbangga untuk bekerjasama dengan organisasi progresif seperti Nestlé Malaysia yang komited terhadap inovasi pembungkusan dan kelestarian global," ujarnya.

Majlis tersebut dirasmikan Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar negeri, Jamaliah Jamaluddin dan disaksikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Pusat Konvensyen Shah Alam di Seksyen 14 di sini pada Selasa.

Menurut Ramli, kerjasama ini membuktikan bahawa pendekatan industri secara sukarela boleh melengkapi dasar kerajaan dalam mewujudkan kesan yang nyata terhadap alam sekitar.

"Inisiatif ini memberi inspirasi kepada model kerjasama masa depan dan kami yakin ia mampu mencetus perubahan besar di seluruh Malaysia," ujarnya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 23 APRIL 2025

Pacu revolusi kitar semula

FOTO: MOHD HALIM ABUL WARD

Kerjasama KDEBWM,
Nestlé kukuh
pengurusan sisa
plastik di Selangor

Oleh MOHD
AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM (MBSJ)

Usaha memperkukuh pengurusan sisa plastik di Selangor menerima suntikan baharu apabila KDEB Waste Management (KDEBWM) dan Nestlé Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi melancarkan program SELKitar.

Usaha itu fasa terbaharu inisiatif Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu di bawah Projek SAVE, program Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) sukarela terbesar di Malaysia.

Kolaborasi strategik itu disifatkan sebagai langkah penting dalam usaha Selangor memper-



Amirudin (tengah) bergambar selepas menyaksikan MoU antara KDEBWM dan Nestlé Malaysia di Shah Alam pada Selasa.

kukuh ekonomi kitaran dan mengurangkan kebangantungan kepada tapak pelupusan sisa.

Pengarah Urusan KDEBWM, Datuk Ramli Mohd Tahir berkata, SELKitar bukan sekadar pelan

pengurusan sisa, malah ia anjakan strategik daripada pelupusan kepada pemulihan, pendidikan dan penyertaan komuniti.

"Kami amat berbangga bekerjasama dengan organisasi progresif seperti Nestlé Malaysia yang komited terhadap inovasi pembungkusan dan kelestarian global," katanya pada Selasa.

Majlis tersebut dirasmikan Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jamaliah Jamaluddin yang turut disaksikan

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini.

Menurut Ramli, kerjasama itu membuktikan pendekatan industri secara sukarela boleh melengkapi dasar kerajaan dalam mewujudkan kesan nyata terhadap alam sekitar.

Projek SAVE yang dimulakan

pada 2020 oleh Nestlé Malaysia bersama pelbagai pihak berkuasa tempatan kini telah berjaya menjangkau lebih 200,000 isi rumah dan menghalang lebih 33,000 tan sisa termasuk 20,000 tan plastik daripada dihantar ke tapak pelupusan atau mencemari lautan.

Program SELKitar pula diperluas ke 17,000 kediaman bertanah di bawah Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Perbandaran Sepang mulai Mei 2025, dengan perancangan merangkumi kediaman bertingkat serta perkampungan luar bandar dalam fasa seterusnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols berkata, di Nestlé mereka percaya dalam mencipta nilai bersama demi menangani cabaran alam sekitar.

Menurutnya, SELKitar menjadi bukti komitmen pihaknya terhadap neutraliti plastik menjelang 2025 bagi memastikan tiada sisa pembungkusan yang berakhir di tapak pelupusan atau lautan.

SINAR HARIAN

23 APR 2025

Tarikh:

84
23/4

Bantuan sewa rumah mangsa Tragedi Putra Heights diagih Khamis

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor akan menyalurkan bantuan sewa rumah selama tiga bulan kepada 396 keluarga yang menjadi mangsa tragedi kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, Khamis ini.

Bantuan berjumlah RM2,000 sebulan itu akan diberikan kepada semua ketua isi rumah yang layak menerimanya, seperti yang dikenal pasti daripada senarai permohonan yang diterima sebelum ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri akan memanggil penerima yang layak bagi penyerahan bantuan berkenaan.

"Bantuan akan dimasukkan secara terus ke dalam akaun (bank) mereka. Selain penyerahan bantuan kewangan itu, mereka akan diberikan taklimat mengenai proses pembinaan semula rumah yang terjejas dalam tragedi



AMIRUDIN

tersebut," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama (MoU) KDEB Waste Management (KDE-BWM) dan Nestlé Malaysia sempena program SEL-Kitar di sini pada Selasa.

Terdahulu, media melaporkan penduduk mendakwa belum menerima sebarang penjelasan rasmi mengenai pelan tindakan susulan daripada kerajaan atau pihak berkaitan meskipun insiden tersebut.

Mengulas lanjut, Amirudin memaklumkan, penerangan awal berkaitan proses membaik pulih rumah akan diberikan kepada penduduk terlibat.

"Cadangan mengenai kaedah pembaikan yang melibatkan peruntukan besar telah dihantar kepada kerajaan Persekutuan. Kini kita tunggu keputusan Kabinet dan akan maklum jika Jemaah Menteri sudah bersetuju," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:23 APR. 2025.....

Jadi sasaran *scammer*,
libatkan kerugian
RM120 juta

Oleh NORAWAZNI YUSOF
Kuantan 8/4 23/4

302 pesara kerajaan ditipu

Pesara kerajaan terus menjadi sasaran sindiket penipuan dalam talian apabila seramai 302 individu telah direkodkan menjadi mangsa sepanjang tempoh tiga tahun, bermula pada 2022 hingga tahun lalu.

Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chon Siang berkata, jumlah itu adalah sebahagian daripada 5,658 kes penipuan yang dilaporkan di negeri ini, melibatkan kerugian keseluruhan sebanyak RM120 juta.

Menurutnya, trend peningkatan mangsa dalam kalangan pesara dapat dilihat saban tahun berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Polis Pahang.

"Pada 2022, seramai 85 pesara kerajaan menjadi mangsa dengan kerugian berjumlah RM8.9 juta dan pada tahun berikutnya, 102 pesara pula terpedaya membabitkan kerugian sebanyak RM3.7 juta.

"Bagi 2024, angka itu meningkat



Chon Siang (berdiri, tengah) ketika sesi soal jawab pada persidangan DUN Pahang pada Selasa.

kepada 115 mangsa dengan jumlah kerugian yang sama seperti tahun 2022 iaitu RM8.9 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini pada Selasa.

Terdahulu, Datuk Wong Tat Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lantikan) ingin mengetahui jumlah pe-

sara kerajaan yang mengalami kerugian akibat penipuan dalam talian bagi tempoh tiga tahun, sejak 2022.

Menjawab soalan tambahan V Arumugam (BN-Sabai) berhubung tindakan kerajaan bagi membendung kes itu, Chon Siang menjelaskan bahawa sebanyak 88 ceramah telah dianjurkan oleh Polis Pahang untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai.

SINAR HARIAN

Tarikh: 23 APR 2025

84
23/4

Kelantan negeri kedua paling selamat di Malaysia

KOTA BHARU - Kelantan berada di kedudukan kedua negeri paling selamat di Malaysia berdasarkan nisbah jenayah indeks kepada populasi penduduk.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, walaupun isu sosial seperti penyalahgunaan dadah kerap dibangkitkan, penilaian keseluruhan perlu dibuat secara adil dan berpandukan data yang sah.

"Banyak persepsi negatif di-lemparkan terhadap negeri ini, tetapi berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia, Kelantan ialah negeri kedua paling selamat selepas Sabah dengan nisbah 96 jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk.

"Itu membuktikan keadaan keselamatan di Kelantan berada dalam tahap yang sangat baik dan tidak boleh dinilai hanya melalui satu dua kes yang berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Mohd Syahbuddin**



MOHAMED FADZLI

Hashim (Pas-Galas) dalam Sidang Dewan Undangan Negeri di sini pada Selasa.

Mohamed Fadzli berkata, negeri sempadan seperti Kelantan berada di barisan hadapan dalam berdepan ancaman seperti dadah terutama pil kuda dan jenayah rentas sempadan, namun tidak boleh diletakkan tanggungjawab itu hanya pada kerajaan negeri.

"Bila kita sebut masalah sosial, ia bukan hanya di Kelantan,

malah seluruh negara dan dunia juga mengahaminya. Remaja kita sama seperti remaja di negeri lain, mereka semua anak bangsa kita.

"Kita harus lebih adil dalam melihat sebab-musabab, bukan sekadar menghukum negeri semata-mata," ujarnya.

Beliau berkata, pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam turut menyumbang kepada pembentukan sahsiah rakyat yang lebih baik serta menjadi benteng kepada keruntuhan moral.



Kelantan mencatat nisbah 96 jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk.

Menurutnya, penemuan daripada kajian Indeks Sosial Takwa juga menunjukkan pencapaian memberangsangkan dan menggambarkan kekuatan nilai murni dalam kalangan rakyat Kelantan.

"Kita tidak nafikan ada kelemahan, tetapi usaha untuk memperbaiki sentiasa berjalan," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: **23 APR 2025**

Emas mahal, wanita jadi sasaran

Harga emas cecah RM533 segram turut dorong kegiatan jenayah

SHAH ALAM

23/4

Harga emas yang melambung tinggi akhir-akhir ini berkemungkinan mendorong penjenayah menumpu kepada barangan aksesori emas yang dipakai oleh kaum wanita sebagai jalan mudah untuk mendapat habuan besar, kata Timbalan Ketua Wanita PKR, Juwairiya Zulkifli.

Beliau berkata, kesimpulan tersebut adalah berdasarkan kekerapan kes jenayah samun rantai emas yang dipakai oleh kaum wanita kebelakangan ini termasuk di dalam premis taska.

"Semalam kejadian di Jenjarom, Kuala Langat apabila seorang wanita disamun dengan parang oleh seorang lelaki di kawasan kedai dan meragut rantai emas.

"Hari ini pula di Sabak Bernam, dua orang guru wanita ditampar dan disamun oleh sekumpulan lelaki dan meragut rantai emas mereka," katanya.

Justeru, beliau meminta kaum wanita supaya lebih berhati-hati apabila berada di luar kediaman.

"Sentiasa berwaspada de-

ngan potensi atau kebarangkalian kejadian samun barang kemas. Ia boleh berlaku di mana sahaja hatta di depan rumah," ujarnya.

Berdasarkan laman web Publicgold.my, harga emas 999 setakat 5 petang Selasa ialah RM533 segram, iaitu peningkatan lebih 30 peratus berbanding RM409 segram yang direkodkan pada 1 Januari 2025.

Dalam pada itu, Juwairiya menggesa kerajaan agar mewajibkan semua taska, tadika mahupun pusat jagaan kanak-kanak memasang CCTV di bahagian dalam mahupun luar premis bagi memudahkan para penjenayah dikenal pasti untuk tindakan lanjut sekiranya berlaku kejadian tidak diinginkan.

"CCTV ini juga penting bagi mengelakkan kejadian penderaan atau pengabaian kanak-kanak di kawasan tersebut," tambahnya sambil meminta pihak polis meningkatkan rondaan di kawasan kejiranan rumah, kedai dan taska susulan kejadian jenayah samun akhir-akhir ini.

Sementara itu, Naib Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohd Tarmizi A Razak menyeru kerajaan memperkasa prosedur operasi standard (SOP) keselamatan yang menyeluruh di semua taska dan tadika termasuk peng-



Harga emas melambung, kes jenayah ragut juga dikhuatiri meningkat.



JUWAIRIYA

gunaan teknologi seperti butang panik dan sistem amaran kecemasan yang menghubungkan terus ke balai polis setempat.

Beliau berkata, inisiatif tersebut adalah antara usaha yang wajar dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan protokol

kecemasan, latihan simulasi dan mekanisme tindak balas pantas, susulan kes samun berlaku di sebuah taska pada Isnin.

Menurutnya, pemasangan CCTV juga perlu diwajibkan selain penyediaan sistem akses terkawal dan penempatan pengawal keselamatan bertauliah di kawasan berisiko tinggi sebagai syarat wajib lesen

operasi taska dan tadika.

"Kerajaan melalui pihak berkuasa tempatan harus menjalankan audit keselamatan berkala, serta memperkenalkan sistem penarafan keselamatan premis pendidikan awal.

"Mana-mana taska atau tadika yang beroperasi tanpa lesen atau gagal mematuhi piawaian keselamatan minimum mesti dikenakan tindakan segera bagi mengelak risiko lebih besar kepada kanak-kanak.

"Kerajaan juga dicadang menyediakan insurans kepada taska yang berdaftar di bawah pantauan kerajaan.

"Semua taska dan tadika wajib mengambil pelan insurans komprehensif yang melindungi kanak-kanak dan kakitangan daripada risiko ketika beroperasi," katanya dalam kenyataan.

SINAR HARIAN

Tarikh:23 APR 2025.....

E-SPORTS TOURNEY

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) will have a PS5 FC25 tournament on May 25 at Padang Perbandaran MPAJ Pandan Indah during its car-free day. Registration fee is RM30. Register at <https://shorturl.at/r1BaM> or call 013-337 0961 for details.

25/5/25

MPBJ MATTERS

Petaling Jaya City Council (MBPJ) invites qualified companies to participate in Invitation to Offers for the installation of solar panels at several locations owned by the council: MBPJ Stadium, Kelana Jaya Sports Complex, Innovation Centre, MBPJ Library and BU3 community hall. Closing date is May 8. For details, email pengurusan_tenaga@mbpj.gov.my or call 03-7956 3544 ext 256.
>PJ SEED (Social, Environment & Economy Development) community grant by MBPJ is accepting applications until May 30. For details, go to <https://rb.gy/d22yfh>

THE STAR

Tarikh: 23 APR 2025

Putra Heights fire victims to get rental aid tomorrow

SHAH ALAM: Affected Putra Heights residents will receive rental aid of RM2,000 for three months tomorrow, says Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"We will give them the money to support them for three months and we will also hold a briefing to explain to them the procedure to rebuild their damaged homes."

"A total of 396 units qualify for the aid. It took us about two weeks to settle this rental matter," he said.

Amirudin explained that there are two groups of recipients in Putra Heights, Subang Jaya: those who live in townships, and village residents.

He added that affected residents will have the money banked into their accounts but added that home repair work plans need to be approved by the Cabinet as it requires significant funding.

"We have sent the proposal and are waiting for Cabinet approval," he told reporters after witnessing the signing ceremony between KDEB Waste Management and Nestle Malaysia on the voluntary extended producer responsibility

scheme also known as "Selkitar" at Shah Alam Convention Centre.

It was reported that victims of the April 1 gas pipeline explosion had asked for updates on the RM2,000 monthly rental aid promised by the state government.

Amirudin had announced that victims would get RM2,000 monthly, for up to six months, to cover rent for temporary housing.

PETRONAS had disbursed RM5,000 to homeowners whose homes were completely destroyed; while homeowners whose properties were partially damaged and those who were renters received RM2,500 each.

Similarly, the Federal Government gave RM5,000 to homeowners whose homes were completely destroyed; those whose properties were partially damaged and those who were renters received RM2,500 each.

Affected homeowners said they were having trouble finding temporary housing as landlords wanted them to sign a minimum one-year agreement and deposit payments were also prohibitive.



Inspecting the aftermath: A woman taking a closer look at a damaged structure in Kampung Kuala Sungai Baru, Subang Jaya. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

THE STAR
Tarikh: ... 23 APR 2025 ...

25/4

Regular river deepening, cleaning key to preventing floods, says Bangi MP

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

FLASH floods that occurred in parts of Kajang, Selangor, recently, can be attributed to rapid development, says Bangi MP Syahredzan Johan.

He said this had led to sedimentation and rivers becoming shallow over time.

"Regular river deepening and cleaning remain the most effective way to lower flood risk for parts of Kajang," he said.

On April 11, 12 homes at Kampung Sungai Merab Luar were flooded and 15 residents had to be evacuated by the Selangor Fire and Rescue Department.

Several other districts in Selangor also experienced flash floods.

"Many parts of Bangi need constant dredging because of



Syahredzan: Regular desilting has proven effective in preventing floods in places like Taman Mesra and Taman Saujana Impian.

rapid development," he said when met during the launch of a youth hub in Section 4, Bandar Baru Bangi.

He said regular dredging by the Drainage and Irrigation

Department had helped reduce flooding in some areas in Bangi.

"Regular desilting has proven effective, especially in preventing floods in places like Taman Mesra and Taman Saujana Impian.

"The clearing work has been successful in flood-prone areas like Taman Sri Langat as there were no flooding there in recent times."

When asked if building additional flood retention ponds could help, Syahredzan said it might not be the most suitable solution for developed areas.

"What's more effective in our context is regular river deepening and clearing.

"One major mitigation project which is ongoing in Bangi Lama involves the construction of retaining walls and other flood control structures."



Kampung Sungai Merab Luar residents being evacuated after flash floods occurred on April 11. — Courtesy photo

THE STAR
Tarikh: 23 APR 2025

Individual action can help mitigate climate change 2514

IN 2006, Al Gore, former vice-president of the United States, released the book, *An Inconvenient Truth: The Planetary Emergency of Global Warming and What We Can Do About It*.

My late father owned a copy, its pages now worn and corners folded from repeated readings.

He used to say, "The planet speaks – we just need to listen."

Once upon a time, the world was worried about the thinning ozone layer. Schoolchildren were taught about ozone-depleting substances called chlorofluorocarbons (CFCs) and how they punched holes in our atmospheric shield.

The world banded together and signed the Montreal Protocol, which was designed to protect the ozone layer by phas-

ing out the production and consumption CFCs.

The Montreal Protocol has been successful in achieving its purpose, but another threat has emerged – climate change.

Malaysia is no stranger to rain and heat, but recent years have seen more erratic shifts in the weather. What used to be predictable seasons are now punctuated by long droughts and intense downpours.

Between November 2024 and January 2025, over 122,000 people were displaced by floods in various states. Homes disappeared, roads collapsed, and shelters overflowed. These disasters caused massive economic losses and social disruptions.

Malaysia is not known for tornadoes, but last month,

Sekinchan in Selangor experienced two twisters within a week. The second damaged over 30 homes.

Malaysia has pledged to reduce its greenhouse gas emissions (crucial to mitigating climate change) by 45% by 2030. And the 12th Malaysia Plan (2021-2025) incorporates initiatives to transition to a low-carbon, climate-resilient economy.

But there are numerous hurdles to implementation, like bureaucratic delays and lack of public awareness.

Gore emphasised that change begins with individuals. Here is how we can help:

- > Use energy wisely by switching to energy-efficient appliances;

- > Travel smarter; walk, cycle or

take public transport;

- > Emit less waste; say no to single-use plastics, and reduce, reuse and recycle;

- > Support the use of renewable energy;

- > Conserve water; and
- > Spread awareness about climate issues; join or support NGOs addressing climate change.

My father treasured the book not just for its facts but also its heart.

"The science is there," he said, "but what matters is whether we care enough to act."

**DR JEHANA ERMJ
JAMALUDDIN**
Senior lecturer

Department of Electrical and
Electronics Engineering
Universiti Tenaga Nasional

THE STAR
23 APR 2025
Tarikh:.....



(From left) Sia, Amirudin and Mohd Nazri at the launch of Teraju AI Selangor that will see state agencies effectively and responsibly harness new technology to benefit the public.

S'gor workshops for AI solutions

State agencies to improve public service via training by STDC, Google Cloud

SELANGOR government, through Selangor Technical Skills Development Centre (STDC) and Google Cloud, has launched Teraju AI Selangor.

This joint initiative aims to help state government agencies build and implement custom artificial intelligence (AI) solutions.

Teraju AI Selangor aims to enable these agencies to enhance public services in various aspects, including citizen communications, education, healthcare, transportation, physical infrastructure maintenance and advance projects that boost tourism and agricultural output.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, who was guest of honour at the launch held at Google Malaysia in Kuala Lumpur, said the state recognised the potential of generative AI (gen AI) and agentic AI (AI that can act autonomously) to reshape public service and accelerate Selangor's transformation into a leading smart state.

"We're therefore taking action through Teraju AI Selangor, equipping state agencies with the essential toolset and training to help them effectively and responsibly harness these technologies," he said.

He expressed confidence in Google Cloud's capability to enable the rapid development of functional AI solutions with strong guardrails.

"I must also stress that throughout this initiative, we are prioritising safe and ethical use of data, with zero compromise on data privacy and security as we cannot take cyber threats lightly.

"I hope through this, Selangor can build a more responsive system of government that is fit for the 21st century while rivalling some of Asia's best," he added.

In a statement, STDC said through the initiative, Selangor has invested in an AI innovation sandbox that is the first of its kind in Malaysia's public sector.

The sandbox will provide participating agencies with funded access to Google Cloud's fully integrated AI technology stack for up to six weeks.

With access to these capabilities via a dedicated and secure Google Cloud environment, agencies can rapidly build their own gen AI and agentic AI solutions.

To ensure effective use of the sandbox, participating agencies will be enrolled in a full-day workshop by STDC and Google Cloud.

During this workshop, the agencies' AI practitioners and developers will receive tailored, hands-on training.

This will enable them to identify

strategic cases that can be addressed using AI.

Participants will also get to build at least one AI solution prototype.

They will then get to test and refine their prototypes over six weeks.

Afterwards, participants will present working solutions to a panel with representatives from Selangor government, STDC and Google Cloud.

Panel members will evaluate the functionality and readiness of these proposals.

Solutions most able to benefit Selangor's citizens and economy will be showcased at the Teraju AI Selangor graduation ceremony later this year.

Further state funding may also be provided to enable full-scale implementation of solutions.

STDC chairman Mohd Nazri Noh expressed the centre's pride in working with Google Cloud to lead Teraju AI Selangor.

"This initiative can be a catalyst for public service transformation.

"But, unlocking its full potential requires practical AI solution development and implementation experience.

"Teraju AI Selangor is designed to empower state agencies with an enterprise AI toolset and hands-on training curriculum, crafted by Google Cloud experts who have been shaping this field.

"This initiative will nurture a public sector workforce that's capable of translating technological promise into real-world applications that deliver tangible value for communities," he said.

Google Cloud Malaysia and Singapore country director Serene Sia said Selangor was poised to greatly benefit from Google's investments in Malaysia and its leading AI capabilities.

"With Teraju AI Selangor, we're deepening our partnership with Selangor government, working directly with state agencies and STDC to identify specific areas where AI can uplift productivity, enhance decision-making and deliver impactful services in support of state priorities like Rancangan Selangor.

"Google Cloud's technology stack is purpose-built to address public sector organisations' full spectrum of AI innovation needs, including security and privacy.

"We look forward to showcasing AI solutions that advance each agency's mission and make a positive difference in the lives of citizens."

THE STAR

Tarikh: 23 APR 2025

OPERASI DBKL DI IBU KOTA

13 perniagaan peniaga asing tanpa lesen disita

HM COBKL
23/4

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan 13 tindakan sita terhadap peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di ibu kota, baru-baru ini.

Dalam kenyataan semalam, DBKL memaklumkan tindakan itu dilakukan di Lebuhraya Pudu, Jalan Tun Tan Siew Sin, Jalan Petaling dan Jalan Sultan hasil pemantauan berkala di kawasan Petaling.

"Sebanyak 13 tindakan sita dilaksanakan terhadap peniaga warga asing yang

menjalankan perniagaan tanpa lesen mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Peniaga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

"Semua barangan yang disita dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya dalam hantar di Facebook, semalam.

Katanya, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan daripada semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang sudah dikenal pasti.



ANTARA peniaga warga asing yang tidak memiliki lesen berniaga.

HARIAN METRO
Tarikh: 23 APR 2025

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur 15/4

Dua wanita ditahan reman kerana disyaki terbabit dengan sindiket yang menguruskan proses pembelian bayi dan penyediaan sijil kelahiran dengan bayaran kira-kira RM10,000.

Perintah reman selama lima hari sehingga 26 April ini dikeluarkan Majistret Mohamed Redza Azhar Rezali selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan di

SINDIKET PEMALSUAN SIJIL KELAHIRAN BAYI

Dua wanita terima RM10k kena reman!

Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Sumber berkata, dua wanita berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 1 tengah hari kelmarin ketika hadir memberi

keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sekitar 2023 dengan meminta dan menerima rasuah

kira-kira RM10,000 yang dimasukkan melalui akaun bank milik ejen.

"Seorang lagi suspek yang bertugas di sebuah hospital swasta di Melaka disyaki me-

nyamar sebagai pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berperanan mendapatkan sijil kelahiran menggunakan butiran matan palsu bagi pengesahan kelahiran bayi-bayi yang diuruskan oleh ejen sedangkan tiada rekod kelahiran di hospital terbabit," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Hairuzam Mohmad Amin@Hamim berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM 2009.

Beliau tidak menolak kemungkinan beberapa siri tangkapan susulan akan dibuat untuk tujuan berkenaan.

HARIAN METRO
Tarikh: 23 APR 2025

'Haramkan vape lagi baik daripada hukum pelajar'

Georgetown: "Tidak ada gunanya menghukum pelajar yang menghisap vape di dalam sekolah kerana vape perlu diharamkan sepenuhnya. Jika tiada sesiapa yang jual (vape), masalah tidak timbul," ujar Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang juga aktivis anti rokok, NV Subbarow.

Beliau mengulas kejadian seorang pelajar Tingkatan Tiga sekolah menengah di Kangar, Perlis, dikejar ke Hospital Tuanku Fauziah kelmarin, selepas mengalami sawan dipercayai kerana menghisap vape.

NV Subbarow mendakwa terdapat dalam kalangan pelajar mengakui ketagih vape dan rokok dengan menjadikan tandas sebagai tempat melepaskan ketagihan bahan itu.

"Pengakuan itu diperoleh ketika penganjuran program mengenai bahaya vape, e-rokok dan anti rokok yang dijalankan CAP sebelum ini. Didapati ramai anak muda terjerumus ke dalam perangkap produk tembakau dipanaskan (HTP) sehingga menjadi ketagih secara tidak sedar," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini menjalankan kaunseling kepada pelajar berkenaan berhubung bahaya penggunaan bahan itu.

Katanya, walaupun pelajar dihalang bagi membawa masuk bahan itu ke dalam kawasan sekolah, namun mereka tetap membawanya dengan pelbagai taktik.

"Tinjauan CAP (semasa penganjuran program) mendapati ramai pelajar menggunakan tandas sebagai kawasan merokok dan vape.

"Ramai guru melaporkan bahawa vape mempunyai kesan yang besar terhadap tingkah laku pelajar dan mengganggu persekitaran pembelajaran.

"Penggunaan bahan itu kini seakan menjadi amalan biasa di sekolah. Apabila mereka perlukan vape dan tidak boleh mendapatkannya, ia boleh menyebabkan masalah kerana sudah ketagih," katanya semalam.

Mengulas lanjut Subbarow berkata, ia disahkan dengan kejadian seorang pelajar sekolah menengah di Kangar, Perlis, dikejar ke Hospital Tuanku Fauziah kerana menghisap vape.

Siasatan awal Jabatan Pendidikan Perlis mendapati mangsa dipercayai menghisap vape bersama rakan di tandas sekolah lebih kurang jam 9.30 pagi.

"Begitu juga pada November tahun lalu, pelajar Tingkatan Dua di Kangar mengalami cedera di kaki selepas terjatuh dari bumbung tingkat satu bangunan sekolahnya dan dipercayai berpunca selepas pelajar terbabit menjadi khayal akibat menghisap vape yang dibawa ke sekolah," katanya.

Sehubungan itu Subbarow berkata, CAP menggesa tindakan tegas daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain pendidik, ibu bapa, penjaga, ahli komuniti supaya mendidik kanak-kanak serta remaja mengenai risiko kesihatan akibat penggunaan vape.

"Bertindak lebih lewat bermakna lebih banyak insiden kecederaan yang berlaku akibat penggunaan vape atau rokok elektronik di peringkat sekolah," katanya.



DR Mohamad Haniki (kanan) pada pelancaran program CSCST dan seminar Masterclass 'Updates on Smoking and Vaping Cessation - Best Practice & Future Directions' di Cyberjaya.

Selamat **nyawa** 4.8 juta perokok tegar

Program CSCST tambah kualiti rawatan kebergantungan tembakau

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur 23/4

Perlu ada tindakan drastik bagi menyelamatkan nyawa 4.8 juta atau bersamaan 14.2 peratus rakyat Malaysia yang dikenal pasti sebagai golongan perokok tegar.

Malah data mendapati terdapat 1.4 juta penghisap rokok elektronik atau vape di negara ini berdasarkan data tahun 2022 dan angka itu terus meningkat.

Ketua Pasukan Tindakan Berhenti Merokok, Kluster Perubatan dan Kesihatan Akademik Profesor Malaysia, Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed berkata, kerajaan meletakkan sasaran pengurangan 17 peratus perokok pada tahun ini.

"Ia selaras dengan sasaran *Framework Convention on Tobacco Control* yang merupakan satu rangka kerja perjanjian dalam kawalan tembakau secara global.

"Terbaru berlangsung pelancaran program jurulatih Bertauliah Perkhidmatan Berhenti Merokok



(CSCST) dan seminar *Masterclass 'Updates on Smoking and Vaping Cessation - Best Practice & Future Directions'* dengan kerjasama Rhazes TeleHealth International Sdn Bhd di Cyberjaya.

"Program CSCST ini adalah salah satu daripada pelbagai kaedah yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk penguatkuasaan undang-undang melalui Akta 852," katanya.

Menurutnya, inisiatif ini menandakan suatu kemajuan yang signifikan dalam strategi kawalan tembakau di Malaysia melalui pembangunan latihan yang standard untuk ahli-ahli kesihatan profesional di dalam perkhidmatan berhenti merokok dan vape.



Program CSCST yang bakal bermula pada Jun 2025 ini dibangunkan untuk melengkapkan ahli-ahli penjagaan kesihatan profesional dengan kemahiran untuk menjadi jurulatih bertauliah bagi Penyedia Perkhidmatan Berhenti Merokok Tahap 2"

Dr Mohamad Haniki

"Program CSCST ini adalah anjakan paradigma dalam menyelaraskan kompetensi ahli-ahli penjagaan kesihatan profesional terhadap rawatan kebergantungan tembakau.

"Pentauliahan ini akan mewujudkan rangka kerja kelayakan pentauliahan tahap 3 bagi ahli-ahli penjagaan kesihatan profesional di samping menyertakan program latihan sedia ada kepada satu piala kebangsaan yang bersepadu," katanya.

Justeru, CSCST memastikan pembekal dilatih oleh

mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran bersandarkan bukti saintifik, khususnya bagi menangani perokok tegar yang mempunyai pelbagai masalah kesihatan termasuk penyakit psikiatri, penyalahgunaan dadah, alkohol dan sebagainya.

"Program latihan yang komprehensif ini mengamalkan pendekatan pembelajaran hibrid, menggabungkan e-pembelajaran, bengkel dan kajian kes untuk memastikan peserta berupaya menterjemahkan kemahiran di dalam penilaian pesakit, perancangan rawatan dan dokumentasi selaras dengan Garis Panduan Amalan Klinikal terkini mengenai Rawatan Kebertahanan Nikotin dan Gangguan Penggunaan Tembakau.

"Program CSCST, yang bakal bermula pada Jun 2025 ini dibangunkan untuk melengkapkan ahli-ahli penjagaan kesihatan profesional dengan kemahiran untuk menjadi jurulatih bertauliah bagi Penyedia Perkhidmatan Berhenti Merokok Tahap 2. CSCST akan berlangsung dalam tempoh 6 hingga 12 bulan," katanya.

Kelantan negeri kedua paling selamat

SIDANG DUN KELANTAN



- Sabah di tempat pertama menurut laporan DOSM
- Dari segi indeks jenayah seperti bunuh, rompak

Oleh ROSMIZAN RESDI

KOTA BHARU – Kelantan disenaraikan negeri kedua paling selamat di Malaysia selepas mencatatkan indeks jenayah pada tangga kedua terendah hasil laporan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, melalui indeks itu, Kelantan mencatatkan skor 96 bagi setiap 100,000 penduduk.

"Jenayah indeks itu melibat-

KOSMO
23/4



BANDAR KOTA BHARU di Kelantan yang tersenarai negeri kedua paling rendah indeks jenayah dalam kes melibatkan samun, mencederakan dan bunuh.

kan jenayah kekerasan, bunuh, mencederakan, harta benda, rogol, rompak serta mencuri.

"Justeru, Kelantan mencatatkan negeri kedua paling selamat selepas Sabah menerusi laporan terbaharu DOSM," katanya semasa menjawab soalan Mohd. Syahbuddin Hashim (BN-Galas) pada persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan Ke-15 di Kompleks Kota Darulnaim, di sini semalam.

Mohamed Fadzli yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Temangan memberitahu, masalah sosial dan jenayah termasuk penyalahgunaan dadah merupakan masalah yang melibatkan seluruh negara dan tidak hanya tertumpu kepada negeri-negeri tertentu sahaja.

"Kita berdepan dengan masalah yang sama (jenayah) dan perkara ini tidak boleh dibandingkan antara negeri dan sebagainya.

"Kita boleh mengedarkan hasil daripada kajian indeks sosial atau hasil penemuan Polis Diraja Malaysia tanpa perlu mempolitikkan isu berkenaan," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 23 APR 2025

Kertas siasatan dikemukakan kepada TPR minggu depan

Kuala Lumpur: Kertas siasatan berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai di beberapa institusi kewangan yang disiasat dalam Ops Sky, sudah dikemas kini dan akan diserahkan kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR), minggu depan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, ber-

kata ketika ini pegawainya sudah selesai melengkapkan siasatan.

"Pada masa ini siasatan sudah dilengkapkan dan sedang dikemas kini. Kita (SPRM) menjangka mengemukakan kepada pejabat TPR untuk tindakan selanjutnya.

"Saya berharap kes ini dapat diselesaikan sekiranya tiada sebarang inkuiri oleh TPR dalam kertas siasatan ini," katanya.

Azam berkata, kes ini menjadi

perhatian ramai dan satu keputusan segera harus diambil pihak berkaitan.

"Rakyat ingin mengetahui apakah keputusan daripada kes ini," katanya.

12 individu ditahan

Dalam operasi Januari lalu, SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) menahan 12 individu dalam serbuan di 24 tempat, termasuk kediaman

dan pejabat di sekitar Lembah Klang dan merampas kira-kira 4,000 dokumen serta membekukan 98 akaun bank membabitkan lebih RM17 juta.

Ditanya mengenai dakwaan rasuah membabitkan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Sabah, Azam berkata, SPRM masih menunggu laporan forensik 10 rakaman video berkaitan.

Beliau berkata, siasatan terha-

dap kes itu masih berjalan dan belum dimuktamadkan.

"Saya jangkakan laporan itu akan siap dalam masa terdekat kerana pihak forensik sedang menjalankan penelitian secara terperinci terhadap kesemua 10 rakaman audio itu.

"Lapan individu sudah dipanggil untuk memberi keterangan, termasuk satu kes baharu membabitkan tohmahan yang turut disiasat," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 23 APR 2025

Isu pencerobohan tanah di Pahang

Siasatan tumpu unsur rasuah, tatakelola

2 elemen diberi perhatian dalam siasatan terhadap amalan PTG, pejabat daerah

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneruskan siasatan pencerobohan tanah di Raub, Pahang sejak empat tahun lalu dengan tumpuan utama kepada unsur rasuah dan tatakelola.

Ketua Pengarah SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata dua elemen itu diberikan perhatian dalam siasatan terhadap amalan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta

pejabat daerah.

"Dulu kita pernah buka kertas siasatan pada 2021 dan berhubung isu baharu ini, saya sudah mengarahkan SPRM Pahang untuk meneruskan siasatan.

"Kita melihat kepada dua perkara itu (elemen rasuah dan tatakelola). Bagaimanapun, penerokaan haram boleh dilakukan dalam tempoh tertentu.

"Jadi, siasatan ini akan dijalankan secara menyeluruh oleh SPRM Pahang," katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Ke-11 Tahun 2025 di sini, semalam.

Kelmarin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memerangi rasuah, Malaysia Corruption Watch (MCW) mendakwa unsur kelalaian sistematik, pengabaian tanggungjawab atau perlindungan terancang oleh individu tertentu dalam kalangan pihak ber-

kuasa antara faktor kepada pencerobohan hutan simpan secara besar-besaran di Pahang.

Gesa perluas siasatan

Presidennya, Jais Abdul Karim, dilaporkan berkata, MCW menggesa SPRM membuka semula atau memperluas kertas siasatan terhadap pelbagai pihak termasuk pegawai kerajaan negeri, wakil rakyat, agensi teknikal dan pihak berkuasa tempatan yang disyaki bersekongkol, melindungi atau membenarkan penerokaan haram berlaku dalam tempoh panjang.

Terdahulu Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah,

pencerobohan tanah menjadi musuh utama di negeri itu kerana sebanyak 14,494.908 hektar tanah kerajaan diceroboh dan diusahakan secara haram dengan tanaman sawit, getah, durian dan pelbagai hasil bumi.

Menurut baginda, 5,997.09 hektar hutan simpan kekal juga diceroboh, kononnya atas nama pertanian yang disifatkan sebagai 'rompakan terbuka' terhadap harta negeri.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, kelmarin mencadangkan satu jawatankuasa khas tanah haram dibentuk untuk menyelesaikan masalah pencerobohan

tanah di Pahang.

ADUN DAP itu berkata, jawatankuasa berkenaan akan mencadangkan kaedah penyelesaian yang adil bagi kes pencerobohan yang berlaku terlalu lama membabitkan rakyat tempatan atau luar Pahang.

Katanya, ahli jawatankuasa itu boleh dilantik daripada bekas pegawai PTG, pakar tanah di institusi pengajian tinggi atau institut tanah negara, ulama, Polis Diraja Malaysia atau peguam.

Bagaimanapun, sesetengah pihak membantah cadangan berkenaan kerana dikatakan itu cubaan untuk mengelakkan tindakan undang-undang ke atas penceroboh.



Azam menyampaikan Pentauliah Pegawai Integriti Kehormat kepada Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak, Datuk Murshid DiRaja Dr Juanda Jaya pada Majlis Konvokesyen CeIO Ke-11 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Raihana Mansor/BH)

BERITA HARIAN
Tarikh... 23 APR 2025

Perlis tersenarai empat negeri catat sifar miskin tegar

BN 23/4

Kangar: Perlis mencapai status sifar miskin tegar berdasarkan Bank Data Kemiskinan Nasional e-Kasih hingga 31 Disember tahun lalu dan negeri itu tersenarai empat negeri yang mencatatkan sifar miskin tegar, titah Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, pelbagai inisiatif dan geran perniagaan kepada komuniti disediakan sebagai jambatan untuk mereka memulakan langkah pertama keluar daripada kelompok kemiskinan.

"Beta mohon supaya yang amat berhormat menteri besar, ahli yang berhormat dan kerajaan negeri Perlis terus turun padang untuk memastikan golongan miskin tegar kekal sifar dan seluruh rakyat negeri Perlis keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Beta juga menyeru semua agensi kerajaan dan pihak NGO (pertubuhan bukan kerajaan) terbabit yang mempunyai geran atau sebarang bentuk bantuan semampainya untuk mempergiat usaha dan bergerak aktif mencari peserta yang berminat dan selayaknya untuk memulakan perniagaan serta bimbingan

mereka agar sama-sama dapat membangunkan negeri kita ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan merasmikan pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di Kompleks DUN, di sini semalam.

Yang turut berangkat, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Sementara itu, Tuanku Syed Sirajuddin bertitah banyak perubahan dan kemajuan Perlis dapat dilihat kebelakangan ini, apatah lagi apabila negeri itu menjadi tumpuan pelancong sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Raja Perlis bertitah kemasukan pelancong direkodkan 2.99 juta orang dari dalam dan luar negara pada tahun lalu dan jumlah itu cerminan kemajuan produk serta industri pelancongan yang mencapai tahap boleh membanggakan.

"Selain itu, ia juga akan memberikan impak positif kepada pengusaha dan pemain industri



Tuanku Syed Sirajuddin bertitah pada pembukaan Persidangan DUN Perlis di Kompleks DUN, Kangar, semalam. Yang turut berangkat Tuanku Tengku Fauziah, Tuanku Syed Faizuddin dan Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen. (Foto BERNAMA)

makanan dan hospitaliti di negeri Perlis ini. Beta amat kagum dengan rakyat negeri yang bijak mengambil peluang dengan membina hotel dan inap desa yang sangat cantik dan unik reka bentuknya," titah baginda.

Dalam pada itu, Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) menjadi antara 18 pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menerima penarafan Bandar Pintar Malaysia tahap satu, iaitu Smart City Early

Adopter pada 28 Oktober lalu.

"Tahniah dan syabas beta ucapkan. Penarafan ini adalah permulaan negeri Perlis sebelum mencapai keseluruhan empat tahap lengkap bandar pintar," titah baginda. BERNAMA

BERITA HARIAN

Tarikh... 23 APR 2025.....

Harga emas terus meningkat hampir ^{BH} 23/4 RM500 segram

Harga emas melonjak ke paras tertinggi baharu, mencecah paras penting AS\$3,500 (RM15,307.40) atau RM492.14 segram semalam.

Ini berikutan kebimbangan terhadap kritikan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump terhadap Pengerusi Rizab Persekutuan (Fed), Jerome Powell yang melemahkan sentimen risiko dan mendorong pelabur beralih kepada logam berharga sebagai aset selamat.

Spot emas meningkat 2.2 peratus kepada AS\$3,493.41 (RM15,278.60) seauns atau RM491.22 segram, setakat 0620 GMT, selepas mencecah paras tertinggi AS\$3,500.05 (RM15,307.60) atau RM492.15 segram pada awal sesi dagangan semalam.

Niaga hadapan emas AS pula meningkat 2.3 peratus kepada AS\$3,502.40 (RM15,317.90) atau RM492.48 segram.

"Pelabur mengelak aset AS akibat kebimbangan terhadap tarif dan drama Trump-Powell, yang menyebabkan emas berada di kedudukan utama untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan dolar AS," kata penganalisis pasaran utama di KCM Trade, Tim Waterer.

Trump kelmarin mengulangi gesaannya agar kadar faedah dikurangkan serta-merta, memberi amaran bahawa ekonomi AS boleh menghadapi kelembapan, sambil mengkritik pendirian Powell untuk mengekalkan kadar faedah sehingga ada kejelasan mengenai kesan inflasi daripada rancangan tarif Trump.

Pasaran saham Asia bergelut untuk mengekalkan kestabilan selepas jualan besar-besaran aset AS yang melemahkan Wall Street dan dolar.

China kelmarin menuduh Washington menyalahgunakan tarif dan memberi amaran kepada negara-negara agar tidak membuat perjanjian ekonomi yang lebih meluas dengan AS yang boleh merugikan mereka.

"Terdapat kemungkinan penarikan semula memandangkan kadar kenaikan yang pantas sepanjang bulan ini. Namun, terdapat sebab untuk mempercayai bahawa pembeli akan tetap berminat terhadap emas sekiranya penarikan berlaku, memandangkan ketidaktentuan ekonomi masih menjadi tema utama pasaran," kata Waterer.

Emas, yang dilihat sebagai aset selamat ketika ketidaktentuan ekonomi, meningkat hampir 33 peratus setakat tahun ini.

Bagaimanapun, indeks kekuatan relatif (RSI) emas kini berada pada paras 79, menunjukkan bahawa logam itu dibeli secara berlebihan.

REUTERS

BERITA HARIAN
Tarikh... 23 APR 2025

Penduduk Lembah Klang kian terhimpit

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamulla.com.my

UM
23/4

PETALING JAYA: Penduduk di Lembah Klang bakal berdepan dengan tekanan terutamanya membabitkan sistem kemudahan dan perkhidmatan asas susulan jangkaan peningkatan populasi yang menghampiri 10 juta orang menjelang tahun 2030.

Tekanan termasuk yang berkaitan antara aspek perumahan, jalan raya, pendidikan, kemudahan kesihatan, bekalan air dan sistem pembetulan.

Populasi hampir 10 juta pada 2030, beri tekanan kepada sistem kemudahan awam

Masalah itu sudah jelas terlihat pada masa ini apabila projek-projek perumahan khususnya bertingkat gagal mengambil kira keseimbangan seperti

infrastruktur dan keperluan ruang hijau terus terpinggir yang boleh memberi kesan kepada kesihatan mental penduduk.

Pensyarah Ekonomi dan Kewangan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Dr. Muhammad Najib Razali berkata, lonjakan dua juta penduduk dalam masa kurang dua dekad di Lembah Klang itu sewajarnya perlu diberikan perhatian kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bersambung di muka 2

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 23 APR 2025

Penduduk Lembah Klang kian terhimpit

Utusan (DBKL) 23/4

Dari muka 1

"Lonjakan dua juta penduduk dalam masa kurang sedekad memberi tekanan besar kepada sistem sedia ada, terutama daripada aspek jalan raya, bekalan air, pembetulan, sekolah, hospital serta perkhidmatan asas lain.

"Kesesakan lalu lintas di kawasan seperti Subang Jaya, Puchong dan Cheras sudah menjadi isu harian. Tanpa peningkatan infrastruktur secara serentak, ia hanya akan memburukkan keadaan.

"Apabila terlalu banyak projek dibina tanpa mengambil kira keseimbangan ekologi, penduduk akan kehilangan kawasan rekreasi, menghadapi pencemaran udara dan tekanan mental akibat persekitaran yang sesak," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Populasi penduduk di bandar yang dirujuk sebagai populasi metro merupakan jumlah penduduk yang tinggal di kawasan metropolitan iaitu gabungan bandar utama dengan kawasan sekitar yang mempunyai hubungan ekonomi, sosial dan infrastruktur.

Kawasan ini biasanya merangkumi pelbagai bandar utama, bidang kuasa dan perbandaran seperti kejiranan, bandar kecil, daerah, dan sebagainya.

Populasi di ibu negara kini dianggarkan melebihi 8.8 juta orang dengan kadar peningkatan tahunan sebanyak 2.25 peratus berbanding 2023.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa tahun lalu dilaporkan berkata, jumlah penduduk itu dijangka terus meningkat dan mencecah 9.8 juta orang menjelang tahun 2030.

Pembangunan pesat ini katanya, menuntut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lebih proaktif dalam



Kesesakan lalu lintas sesak di kawasan seperti Subang Jaya, Puchong dan Cheras sudah menjadi isu harian. Tanpa peningkatan infrastruktur secara serentak, ia hanya akan memburukkan keadaan."

MUHAMMAD NAJIB RAZALI



merancang serta menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang mampan.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Sewaan Kediaman Kebangsaan, Prakash P. Kalivanan berkata, trend pembangunan pesat kondominium dan pangsapuri tinggi di kawasan bandar utama turut menunjukkan pola pembangunan yang tidak seimbang dan kurang terancang.

Katanya, pertambahan unit kediaman yang tidak dikawal boleh menyebabkan pelbagai masalah infrastruktur seperti jalan yang sesak, sistem saliran tidak mencukupi dan risiko banjir kilat.

"Kita lihat sekarang, mana-mana kawasan yang ada tanah kosong sedikit pun sudah mula dibangunkan dengan projek kondominium. Persoalannya, apakah kriteria yang digunakan oleh pihak berkuasa atau jabatan perancang untuk meluluskan pembangunan tersebut?

"Kawasan yang sebelum ini hanya boleh tampung 5,000 penduduk, tiba-tiba muncul

tiga buah kondominium dengan setiap satu menampung seribu hingga dua ribu penghuni. Ini memberi tekanan besar kepada jalan raya dan sistem parit sedia ada," katanya.

Beliau berkata, pembangunan yang terlalu padat juga memberi kesan kepada sistem kesihatan, pendidikan dan keselamatan.

"Hospital sukar menampung jumlah pesakit, sekolah tidak mencukupi dan balai bomba pula terlalu jauh dari kawasan perumahan baharu. Ia menunjukkan pembangunan yang berlaku tidak seiring dengan kemudahan asas," katanya.

Beliau turut mempersoalkan ketelusan PBT dalam mempertimbangkan keperluan sebenar komuniti sebelum meluluskan sesuatu projek.

"Walaupun ada bantahan komuniti, projek tetap diluluskan. Sepatutnya PBT menilai sama ada sesuatu kawasan benar-benar memerlukan projek perumahan atau tidak, dan bukan semata-mata memenuhi kehendak pemaju," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...23 APR 2025.....

Bantuan sewa rumah tiga bulan disalurkan esok

SHAH ALAM: Bantuan sewa rumah selama tiga bulan akan disalurkan kepada 396 keluarga mangsa tragedi letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, esok.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, bantuan RM2,000 sebulan itu bakal diserahkan kerajaan negeri kepada semua ketua isi rumah yang layak.

"Pada Khamis ini, kita akan serah bantuan itu yang akan dimasukkan secara terus ke dalam akaun (bank) mereka.

"Selain penyerahan bantuan kewangan itu, mereka akan diberikan taklimat mengenai proses pembinaan semula rumah yang terjejas dalam tragedi berkenaan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Antara KDEB Waste Management (KDEBWM)



**TRAGEDI
LETUPAN
PAIP GAS**

dan Nestle Malaysia Bagi Program SELKitar di sini, semalam.

Sebelum ini, penduduk terlibat mendakwa belum menerima sebarang penjelasan rasmi mengenai pelan tindakan susulan daripada kerajaan atau pihak berkaitan selepas insiden sudah memasuki hari ke-20.

Biar pun terdapat maklumat awal bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan menjalankan kerja baik pulih rumah yang rosak, tiada keputusan muktamad atau penjelasan terperinci mengenai spesifikasi pembinaan semula itu.

Terdahulu, Amirudin mengu-



AMIRUDIN Shari melakukan gimik Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Antara KDEBWM dan Nestle Malaysia Bagi Program SELKitar di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

mumkan kerajaan negeri akan menanggung keseluruhan sewa sehingga RM2,000 sebulan kepada 613 keluarga mangsa yang

terpaksa berpindah ke rumah lain berikutan kediaman mereka terjejas.

Tambah Amirudin, penera-

ngan awal berkaitan proses membaik pulih rumah mangsa turut akan diperjelaskan kepada penduduk terlibat.

"Kita telah menghantar *propos*al (cadangan) kepada kerajaan Persekutuan mengenai kaedah pembaikan itu yang melibatkan aspek peruntukan besar. Kini, kita menunggu keputusan Kabinet dan akan maklumkan jika Jemaah Menteri sudah ber-setuju nanti," ujarnya.

Katanya, pihaknya perlu meneliti pelbagai perkara kerana insiden itu melibatkan kawasan kampung dan taman yang memerlukan pendekatan berbeza.

"Sebab itu kita sudah maklumkan bahawa perlukan antara satu ke dua minggu untuk menjelaskannya. Kita kini *on track* (pada landasan) dan akan membantu mangsa sebaik mungkin," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ..23 APR 2025.....

Pemanasan bumi faktor cuaca tidak menentu

PETALING JAYA: Perubahan iklim dan pemanasan bumi menjadi faktor Malaysia berdepan fenomena cuaca tidak menentu dengan cuaca panas dan hujan lebat berubah secara mengejut sejak kebelakangan ini.

Pensyarah Kanan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr. Irena Safitri Zen berkata, pola cuaca tidak menentu itu bukan sahaja disebabkan oleh peralihan monsun, malah turut dipengaruhi pemanasan global yang berpunca daripada aktiviti perindustrian.

Katanya, pemanasan global merujuk kepada peningkatan suhu purata bumi yang berlaku secara berterusan oleh beberapa faktor seperti penebangan hutan dan industri kilang yang membebaskan gas rumah hijau.

"Suhu permukaan bumi semakin meningkat akibat pelepasan gas rumah hijau yang tinggi, terutamanya daripada sektor tenaga, pengangkutan, dan pembandaran. Ini mempercepatkan kesan perubahan iklim termasuk peningkatan suhu ekstrem serta gangguan intensiti hujan.

"Pembakaran bahan api membebaskan karbon dioksida gas rumah hijau utama di samping penebangan hutan mengurangkan jumlah pokok yang menyerap karbon dioksida. Selain itu, proses pembakaran hutan juga melepaskan karbon dioksida itu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) memaklumkan fasa peralihan monsun dijangka bermula 25 Mac sehingga Mei depan sekaligus menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut (MTL) sejak 5 November tahun lalu.

Ketua Pengarah MET Malaysia, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, sepanjang fasa peralihan monsun, negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 23 APR 2025

Harga emas catat rekod tertinggi, naik kepada hampir RM500 segram

Oleh HENDRA WINARNO
ekonomi@utusan.com.my

PETALING JAYA: Harga emas melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah apabila mencecah AS\$3,500 seauns (RM15,340.19) atau hampir RM500 segram pada dagangan Selasa, didorong oleh kebimbangan pasaran terhadap kritikan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump terhadap Pengerusi Rizab Persekutuan (Fed); Jerome Powell.

Sentimen risiko yang semakin lemah susulan kenyataan Trump itu mendorong pelabur beralih kepada logam berharga sebagai aset selamat.

Emas spot meningkat sebanyak 2.2 peratus kepada AS\$3,493.41 satu auns (RM15,322.57), setakat jam 06.20 Greenwich Mean Time (GMT), selepas mencapai paras tertinggi rekod iaitu AS\$3,500.05 seauns (RM15,351.70) awal sesi tersebut.

Niaga hadapan emas AS GCcv1 pula meningkat 2.3 peratus kepada AS\$3,502.4 seauns (RM15,364.44).

Logam berharga itu buat kali pertama menembusi paras AS\$3,435 seauns (RM15,070.87) susulan lonjakan 2.9 peratus pada Isnin berikutan kejatuhan nilai dolar AS ke tahap terendah sejak akhir 2023.

Penganalisis Ekonomi dari UniKL Business School, Prof.



HARGA emas telah meningkat hampir 20 peratus dalam tempoh setahun, termasuk kenaikan 10 peratus pada April ini.

Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, harga emas telah meningkat hampir 20 peratus dalam tempoh setahun, termasuk kenaikan 10 peratus pada April ini.

"Pasaran saham global merudum apabila Trump mengumumkan tarif ke atas semua

rakan dagangnya, terutamanya China sebagai pembekal utama.

"Polisi tersebut kemudiannya ditangguhkan selama 90 hari, namun ketidakpastian dan kekaburan hala tuju dasar Trump telah menimbulkan kegelisahan pasaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelas beliau, pelabur institusi kini beralih kepada aset selamat seperti emas bagi melindungi nilai pelaburan mereka, sekaligus menyumbang kepada lonjakan harga semasa.

Sementara itu, Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd. Afzani-

zam Abdul Rashid berkata, harga emas dijangka terus meningkat selagi konflik perdagangan AS belum menemui penyelesaian.

"Ketidakpastian dasar fiskal dan monetari AS, termasuk ketegangan antara Presiden AS dan Pengerusi Rizab Persekutuan terus memberi tekanan kepada dolar AS.

"Kemosrotan dolar serta aktiviti penjualan bon Perbendaharaan AS turut menunjukkan peralihan pelaburan asing ke arah aset lindung nilai seperti emas," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan HABIB, Datuk Seri Meer Habib berkata, ketidakpastian ekonomi semasa menyukarkan ramalan terhadap pergerakan harga emas seterusnya.

"Kepercayaan terhadap dolar AS sebagai mata wang rizab dunia semakin pudar, menyebabkan banyak bank pusat membeli emas sebagai rizab. China antara negara yang aktif menambah simpanan emas sejak Februari lalu.

"Emas kini menghampiri AS\$3,500 (RM15,340.19) namun kemungkinan pembetulan harga tetap ada dalam masa terdekat," katanya.

Tambah beliau, permintaan tinggi terhadap emas ketika ini membuktikan keyakinan pelabur terhadap aset tersebut dalam jangka masa.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 23 APR 2025

Cops confirm arrest of teacher over sexual harassment

► Two victims aged 15 and 25 lodge police reports, suspect held for four days **SUN** 23/4

ALOR SETAR: Police have confirmed the arrest of a male teacher from a private school near here who is suspected of sexually harassing several students.

Kota Setar police chief ACP Siti Nor Salawati Saad said the 34-year-old suspect was detained at 4.45pm on Saturday.

"Police have received two reports of sexual harassment involving the suspect, lodged by two victims aged 15 and 25, at the Alor Setar police station.

"The first report, received on April 18, was lodged by a former student who claimed that

the teacher had sent her obscene messages and invited her to engage in sexual acts.

"She came forward after learning that he had allegedly behaved similarly towards other students."

Siti Nor Salawati said the second report was lodged on April 19 by another victim, who claimed she had received obscene messages and was asked to send nude photos and engage in sexual acts with the same teacher.

She said the suspect has been remanded for four days to assist with the investigation.

The case is being investigated under Section 509 of the Penal Code and Section 15(a)/11 of the Sexual Offences Against Children Act 2017, Bernama reported.

In a separate case in Terengganu, police arrested a woman suspected of scolding and assaulting her young daughter at a laundromat in Chukai last Wednesday.

Kemaman police chief Supt Mohd Razi Rosli

said the 45-year-old was arrested at her home at 7.27pm on Monday.

He said the arrest was made after a CCTV recording was widely shared on social media showing a girl being scolded and assaulted by a woman believed to be her mother at a laundromat.

"Investigations revealed that the woman acted in such a manner – scolding and hitting the child – out of concern for her daughter's safety as the child had been running in front of the shop and was at risk of being hit by a vehicle."

He said an initial medical report found that the victim sustained minor injuries to the middle of her forehead and is currently under the care of her father.

"Police are urging witnesses to come forward or contact the Kemaman district police headquarters operations room at 09-859 2222 to assist with the investigation," he said.

THE SUN
23 APR 2025

Tarikh:

National Workers' Day to be celebrated at Axiata Arena on May 1 SUN 23 / 4

PUTRAJAYA: The 2025 National Workers' Day celebration will be held at Axiata Arena, Bukit Jalil, in Kuala Lumpur on May 1, according to Human Resources Minister Steven Sim.

He said the celebration, themed Pekerja Kesuma Bangsa, is expected to attract 10,000 visitors and will be officiated by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Today, we are holding a pre-launch for the 2025 Labour Day celebration and this year's programme will be held at Axiata Arena.

"The programme will begin on April 28 with a Labour Day carnival featuring various activities, including a career carnival, job fair, skills training and more," he said after attending the Human Resources Ministry's (Kesuma) monthly assembly and the pre-launch of the celebration yesterday.

One of the main attractions will be the Mega Career Carnival, offering 10,000 job opportunities in the private sector and government-linked companies as well as discounts of up to 50% on Royal Malaysian Police summonses.

"I am inviting the public to visit Axiata Arena starting April 28 to experience the excitement of the Labour Day celebration for themselves," he added.

When asked whether any major announcements are expected, Sim hinted that the prime minister is likely to unveil several new developments.

"Yes, but you have to wait. There will be several announcements in terms of policies and new programmes that may be announced by the prime minister and myself."

Meanwhile, Kesuma announced in a statement that it will launch the "MYFutureJobs application: A Progressive Step to Empower Job Seekers" in conjunction with the national-level celebration.

The mobile application is part of the ministry's broader push to digitalise the national labour system. — Bernama

THE SUN
Tarikh: **23 APR 2025**